

KUMPULAN PUISI

DAERAH LAMPU MERAH

.2313
UT

LUTFAN JAES



Penerbit
UTHM




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



KUMPULAN PUISI

DAERAH LAMPU MERAH

Dengan ingatan teks ikhlas



14/9/2020.





KUMPULAN PUISI

DAERAH LAMPU MERAH

LUTFAN JAES, *phd.*

Ombak kehidupan berlalu pergi..
Meninggalkan seribu keluhan di pantai kenangan..
Sekumpulan cangkerang melekat di batu kebodohan..
Sekawan ikan terperangkap pada lopak kedunguan..

PUSTAKA PERDANA



1012717

**Penerbit
UTHM**

2020



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia adalah dilarang. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Lutfan Jaes, 1976-

KUMPULAN PUISI : DAERAH LAMPU MERAH / LUTFAN JAES.

ISBN 978-967-2389-78-1

1. Malay poetry.
2. Poetry.
3. Government publications--Malaysia.

1. Judul.

899.2313

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 7051
Fax: 07-453 6145

Website: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mail: pt@uthm.edu.my

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

KANDUNGAN

**PROLOG PENULIS
KATA PENGANTAR I
KATA PENGANTAR II**

PERDU ALAM

- 1 Perhimpunan
- 2 Pejuang Subuh Pagi Jumaat
- 3 Bila Kasut Warna Hitam
- 4 Bulan
- 5 Bisikan
- 6 Durian
- 7 Ohh Apek!
- 8 Bunga
- 9 Boroi "A"
- 10 Daerah Lampu Merah
- 11 Waadat (II)
- 12 Syukur Kita Rendah
- 13 Audit
- 14 Pantun Bidalan
- 15 Kehidupan
- 16 Seorang Tua Berpakaian Putih
- 17 Alahaiiii Rakan Malim Ku
- 18 Pesan Atok Kemala
- 19 Si Fulan Sesat
- 20 "A" Untuk Apa?
- 21 Yang Bagaimana
- 22 Pangkalan Usang (Di Parit Bingan)

- 23 Nelayan
- 24 Termenung
- 25 Sejenak
- 26 Wanita Tua
- 27 Wanita Tua (II)
- 28 Farhan
- 29 Bergembiralah Dahulu (Pesta Konvokesyen)

PERDU BANGSA

- 30 Mencabut Perdu Bangsa
- 31 Bersatu
- 32 Jangan Ulang Silap Yang Dulu
- 33 Congakkan Keluhan
- 34 Kek Hari Jadi
- 35 “Who Wants to do a Monkey’s Job?!!”
- 36 Rajawali
- 37 Sepohon Pokok Tua
- 38 Sivik
- 39 Politikus
- 40 Aduhai
- 41 Sang Jawi
- 42 Apa Sudah Jadi
- 43 Tak Letih Kah Engkau?
- 44 Jangan!
- 45 Tuah
- 46 Abang Kasturi
- 47 Kata Pak Tua
- 48 Dirgahayu Malaysia Ku
- 49 Bahasa Ku
- 50 Abu Kederhakaan Ibunda
- 51 Jerebu Pak Tua

- 52 Bebaslah!!
 53 Kenapa Dulu Kita.....
 54 “Paksaan” Itu Bukan Kezaliman
 55 Inilah Kita
 56 Melayu
 57 Tak Cukup
 58 Ciss!!
 59 Penulis Sepi
 60 Paku
 61 Kambing Dan Bebiri
 62 Buka Pintu

PERDU JIWA

- 63 Gugup
 64 Sesat Dalam Cahaya
 65 Kembara
 66 Bila Kita Tua
 67 Sang Kerang
 68 Bejat Mimpi
 69 Sese kali Menoleh
 70 Di Pantai Kenangan
 71 Aku Mahu Kuasa!
 72 Mahsyar
 73 Suara Kecil Yatim
 74 Ingatan
 75 Rancu Di Hati
 76 Pesona Gaya
 77 Bidak Dunia
 78 Kita Kata Nanti
 79 Sendiri Perangkap Diri
 80 Rawan

- 81 Arca Iman
82 Tragedi Sebiju Kek
83 Kemala Kah Itu?
84 Persoalan
85 Hoiiii...apa ini semua!!!!
86 Untuk Apa Kita Ini
87 Tahu, Sedar dan Percaya
88 Rapuh Jiwa
89 Tak Mampu Aku Bersuara
90 Perasaan Apakah Ini?
91 Harapan
92 Pulu
93 Sifir Kehidupan
94 Jangan Persiakan Aku
95 Salah Niat
96 Kenangan Yang Hilang
97 Aisyah, Adibah Dan Aminah (II)
98 Qarin Tiga (3) Beradik
99 Bolak Balik Jiwa
100 Kiblat
101 Berat
102 Bingung
103 Berilah Aku Melihat Dunia!
104 Sang Penjanji
105 Rehat
106 Cemburu

BIOGRAFI PENULIS

PROLOG PENULIS

"Menang Tulis Sejarah, Kalah Buat Puisi"

Saya hampir bersetuju dengan sindiran di atas! Kotak fikiran saya secara melulu membisikkan bahawa sememangnya "aku" sering kali menghasilkan puisi tika mana rasa kalah, kecewa, tertekan, bersedih dan rasa diskriminasi yang mengundang dalam diri. Hinggalah bila di kenang-kenang semula (secara waras) ia sebenarnya kepesonaan negatif yang sengaja diterbitkan (oleh pihak-pihak tertentu). Lalu ia mampu menjatuhkan nilai dan estetika penciptaan sebuah puisi. Sedangkan terlalu banyak kuntuman puisi dan sajak besar dihasilkan demi meluahkan rasa suka dan girang, rasa kasih dan sayang, rasa keterujaan dan harapan, rasa nikmat dan kesyukuran malah rasa gemilang bangsa dan negara.

Dikatakan bahawa sebuah puisi yang baik seharusnya ditulis dengan metafora yang betul serta sesuai. Suatu usaha bersungguh-sungguh dalam menggabungkan unsur konkrit dan unsur abstrak harus di lakukan untuk membentuk keupayaan seni puisi yang jitu. Kemudiannya ia harus berjaya membentuk persoalan dan akhirnya memberi makna kepada para pembacanya. Itulah gaya penghasilan puisi yang baik. Oleh yang demikian, penciptaan metafora yang tepat serta sesuai telah menjadi usaha saya yang bersungguh-sungguh dalam menghasilkan buku kumpulan puisi kali ke-2 ini. Diberi tajuk "**Daerah Lampu Merah**", saya cuba menelusuri nilai-nilai yang lebih terarah khususnya nilai alam, nilai jiwa dan nilai bangsa. Segalanya sebaik mungkin saya lihat dengan cara yang khas dan mendalam namun dalam kerangka pengalaman yang masih lemah dan baru ini. Untuk itu saya mengharapkan terjadinya kedewasaan berterusan pada penciptaan puisi-puisi saya selepas ini.

Seperti buku kumpulan puisi yang pertama (Rayuan Pada Malam), seronoknya berpuisi ialah apabila saya tidak perlu berkonflik dan berdebat dengan orang lain. Hanya saya dalam bentuk yang paling ikhlas. Terhasilnya buku puisi ini diharapkan mampu mewakili diri dalam menyatakan pendirian secara bebas tetapi terhormat. Sementelah lagi jika ia mampu dikongsi (jika layak) idea dan keindahannya dengan pembaca yang sudi. Akhir kata, saya ingin menyusun 10 jari memohon maaf kepada "dunia puisi" andainya percubaan ini melanggar etika kepuisian serta "mengotorkan" seni penulisan puisi itu sendiri. Andai kata jika ada adi guru mahupun karyawan yang terbaca buku ini saya pohon kan teguran.

Rancu Di Hati

Salam

Lutfan Jaes

KATA PENGANTAR 1

Bismillahirrahmanirahim,

Apabila saya membaca antologi puisi “**Daerah Lampu Merah**” hasil karya saudara Lutfan Jaes seolah-olah memberikan ketukan kepada saraf otak yang segera membius ke dalam hati. Titipan aksara bahasanya serta kepil-kepil metafora yang terhasil telah menzahirkan suara nurani penuh ikhlas. Lantaran menyantuni perasaan dan menyengarkan minda para pembaca yang serius. Ia tidak sekadar pernyataan emosi, sentimen primordial mahupun monolog diri pengkarya. Setiap tema dan bait puisinya penuh tersirat dengan falsafah dan maknawi. Setiap mesej yang disampaikan diadun kemas melalui pemilihan aksara, diksi dan penggunaan rima. Metafora yang penuh majazi nampak dilukis, dikias dan di simbiosis dengan baik sekali.

Nukilan antologi yang terdiri daripada 106 buah puisi ini di bahagikan kepada tiga tema utama iaitu **Perdu Alam, Perdu Bangsa dan Perdu Jiwa**. Kandungannya dipercayai mewakili pemerhatian, pengamatan dan pengalaman saudara Lutfan tatkala berhubung dengan alam, masyarakat, tuhan serta dirinya sendiri. Menariknya antologi puisi ini mempunyai aura halus untuk terus dibaca dan dihayati pada setiap bait dari satu muka helai ke helaian yang lain. Ia dinukilkan dengan bersahaja dan santai tetapi mempunyai kedalaman makna yang menyengarkan sukma. Tampil jelas kritikan sosial bernas tentang sesuatu isu dan peristiwa yang berlaku dalam persekitaran hidup kita sebagai manusia sama ada dari aspek kekeluargaan, politik, ekonomi, pendidikan, bahasa dan organisasi.

Karya ini turut berusaha memberikan deskripsi mental kepada pembacanya. Saudara Lutfan cuba “memaksakan” latar belakang, idea pemikiran, pendidikan dan pengalaman dirinya agar difahami. Segala rasa, jiwa dan nurani dikongsi bersama khalayak pembaca sekalian. Malah karya ini mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana penulis cuba mengangkat etos budaya bangsa melalui pengayaan bahasa yang menggunakan dialek lokal jawa. Penggunaan diksi seperti walang, andhap asor dan lemah manah memaparkan kebijakan lokal bahasa yang digunakan. Selain itu, antologi puisi “Daerah Lampu Merah” ini telah menampilkan struktur yang sangat baik sama ada dari aspek batin (tema, rasa, nada dan tujuan) mahupun dari aspek fizikal (tipografi, diksi, imaginasi, gaya bahasa mahupun irama)

Akhir kalam, segunung tahniah kepada saudara Dr. Lutfan Jaes kerana berjaya menampilkan karya yang mampu merangsang hati nurani dan fikiran setiap yang fakir fikir.

Ikhlas,

Dr. Marwan Ismail
Universiti Malaysia Kelantan

KATA PENGANTAR II

Membaca kumpulan puisi Daerah Lampung oleh saudara Lutfan Jaes membuka dimensi pemikiran dan pengungkapan bahasa yang tinggi dan penuh makna. Lewat tulisannya pembaca disajikan dengan rangkaian puisi merangsang daya fikir, indera dan nurani. Kumpulan puisi yang melebihi 100 halaman ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Perdu Alam, Perdu Bangsa dan Perdu Jiwa. Sebagaimana perdu yang merupakan kelompok pada setiap rumpun maka kumpulan-kumpulan puisi ini terhasil daripada pemerhatian dan pengamatan beliau terhadap persekitaran ekologi manusia dan alamnya.

Pada keseluruhannya penulis menggunakan gaya bahasa yang tersendiri bagi merangsang daya fikir, indera dan nurani para pembaca dalam memahami falsafah yang tersirat. Kejujuran dan kebijaksanaan beliau terserlah melalui pemikiran dan mesej yang ingin disampaikan. Pilihan kata-kata seperti "hidup di balik rindu", "tulang belulang dunia", "pantai kenangan", "cangkerang luka" dan banyak lagi adalah terhasil dari pengamatan dan pengalaman penulis dalam melihat kepelbagaian manusia dan citra alam.

Perdu Alam mengetengahi rangkaian puisi yang menyatukan perlambangan unsur alam dengan kemanusiaan itu sendiri. "Bulan" adalah puisi penulis yang menzahirkan keindahan bulan sebagai unsur alam yang mengasyikkan pada pandangan mata jauh. Namun jika dipandang dari sisi lebih "benar" dan "dekat" hanyalah sebuah kecacatan yang terserlah dengan kancah serta kawah yang kelihatan di muka bulan itu sendiri. Malah penulis melambangkan kancah-kancah itu sebagai watak dan perwatakan manusia dalam kehidupan. Gambaran tersebut antaranya dapat di lihat

*Tapi dalam kecantikan
Ada yang perlu terima hakikat kancah-kancah bulan
Lalu membenci kesamaan kawah-kawah kepundan
Maka berlubang-lubang lah wajah manusia dan kemanusiaan*

"Durian" dan "Bunga" juga merupakan puisi beliau yang mengetengahkan perlambangan kemanusiaan yang mantap. Gaya bahasa yang tersendiri mengapungkan makna yang diselarikan dengan penghayatan pemikir. Penulis menasihatkan untuk menanam buah durian sebagai tanaman warisan yang mampu menyatukan keluarga serta menanamkan semangat kekeluargaan. Perlambangan tersebut di selitkan pada baris

*Tanam lah durian
Kerana pada duri-duri nya ada tajam ingatan
Hingga kini masih kita tak terbayangkan
Kasih sayang yang terikat sesama insan*

Manakala "Bunga" pula merupakan puisi kritis beliau yang membawa pelbagai perlambangan dalam kehidupan manusia. Penulis membawa pembaca untuk berfikir kenapa riba dilambangkan sebagai bunga dalam kehidupan masyarakat. Persoalan ini diterjemahkan dalam baris syair bunga.

Kenapa bunga?

*Kerana bunga mekar di pohon
Kalau tak di petik hutangnya mem "belon"
Seninya Melayu itu.....
Riba' itu di panggil "bunga"
Benda buruk di warna-warna*

Perdu Bangsa mengetengahkan teguran sosial terhadap kepincangan isu-isu yang merosakkan bangsa dan negara. Kritikan Sosial yang disuarakan oleh penulis sangat berkesan khususnya menerusi karya seperti "Mencabut Perdu Bangsa", "Bersatu", "Jangan U'lang Silap Yang Dulu", "Kek Hari Jadi", "" dan lain-lain. Sebagai contoh "Bersatu" adalah merupakan bentuk kepedulian penulis terhadap bangsa yang dicintainya. Beliau menyeru kepada penyatuan bangsa yang berlainan agama sebagaimana yang terungkap dalam bait "bangsa ini harus bersatu, menyatu pada pundak bangsa dan negara". Kepedulian terhadap bangsanya diteruskan dalam puisinya yang bertajuk "Apa Sudah Jadi" yang memperlihatkan kegelisahan penulis terhadap sikap tidak ambil peduli bangsanya yang membiarkan nasib mereka ditentukan oleh orang lain.

*Apa sudah jadi bangsa ku ini
Ada kitab tidak dibaca
Ada tulisan tak sudi diterima
Ada pena dakwatnya kering
Ada bahasa di biar "gonjeng"*


Akhir sekali renungan penulis terhadap dirinya sebagai hamba kepada Sang Pencipta disuarakan dalam himpunan puisi Perdu Jiwa. Ia memperlihatkan usaha penulis untuk kembali dalam diri, bermuhasabah dan merenung kedaifan dan kekerdilan di bawah naungan Pencipta. Ia disuarakan dalam beberapa rangkaian puisi seperti "Sesat Dalam Cahaya", "Kembara", "Di Pantai Kenangan", "Mahsyar", "Kita Kata Nanti" dan lainnya. Perjalanan hidup yang semakin tersasar merupakan bentuk pengakuan yang diluahkan dalam puisi sesat dalam cahaya yang diungkapkan dalam bait 'aku semakin menjauh, jauh mengembara di alam fantasi yang bodoh.

*Aku semakin menjauh
Jauh mengembara ke alam fantasi yang bodoh*

*Aku semakin berani
Keberanian melakukan sesuatu yang tidak pasti*

*Aku semakin menyasar
Tersasar dan sesat daripada landasan suar*

Dr. Fauziah Ani
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Perhimpunan

Lihatlah perhimpunan itu
Ya...perhimpunan anak kamu
Mungkin juga perhimpunan kamu yang dulu

Mengajar “kasta” dan “ketidaksamarataan” sejak kecil
Mencipta bangsawan di hulu.... marhaen di hilir
Memetak- metakkan batang tubuh dengan penuh semilir
Membeza busana- busana penuh warna sifir

Ketua Pengawas warnanya penuh awas
Ketua Kelas warnanya nampak cerdas
Pengawas Perpustakaan warnanya bukan sembarangan
Pembimbing Rakan Sebaya warnanya bukan biasa- biasa

Dipakaikan dengan segala macam anugerah
Dititipkan “vest” dan “kot” yang tidak murah
Ditampilkan gaya selayaknya keyakinan
Di nampakkan perasaan jiwa tampak masa hadapan

Menyusul di belakang bak rakyat jelata
Putih bersih mulus sukarnya dijaga
Gambaran insan yang selayaknya di coret
Oleh kepimpinan jujur tak mencopet

Sang Bunian Putih kecil tidak berjawat
Lambang kesederhanaan dan lemah syahwat
Menanggap pada kesederhanaan dan dipimpin
Lebih malang dalam fikiran di letak penon

Ayooooo lahhhhh!!
Mari kita berubah!!
Perbezaan harus pada tanda nama atau kiswah!!

Impian untuk hadir pada warna busana sama
Biar berkongsi maruah tahu sama- sama menjaga
Biar sama- sama sukar dan tahu bagaimana segala rupa
Kebusanaan yang serba putih itu.

Kelak ia mem bejat diri dan jiwa
Terkesan pada minda hingga tua
Di kalangan mereka nanti (malah di kalangan adik beradik!!)
Ada mindanya terjajah dan tertawan.

7 Julai 2019

Pejuang Subuh Pagi Jumaat

Sebaris pendek Pensubuh yang lelah
Imamnya melaju menghafal As Sajadah
Sang Bilal terbatuk- batuk keras tak sudah
Bergoyang menahan kesejukan subuh tidak menyerah

Sambil menunggu surah yang panjang
Picing akal ku menahan betis kejang
Jiwa dan akal jelas menerawang
Tentang dunia, harapan dan waktu senggang

Zikir mulia ku tak pernah membantu
Derap "Gothic" suci terawang di kiri ku
Solat subuh yang panjang menjadi alasan ku
Masih belum kekar dan aku belum mampu

Akhirnya subuh kali ini masih ritual
Asal tidak ponteng sesuatu yang mual
Tuhan...aku mohon terus istiqamah ku
Baik perbuatan dan baik laku ku

12 Julai 2019

Bila Kasut Warna Hitam

Tiada lagi anak kecil yang bangun pagi
Menitip kasut sekolah kanan dan kiri
Sambil si Abang di leter ibu
Kerana bangun lewat tidak basuh sepatu

Tiada lagi anak kecil berbondongan
Kemilau muka dek sinar pagi rimbunan
Sambil mencangkung taat memberus kasut
Leka bermain air sambil nama gurunya di sebut

Tiada lagi anak kecil mencalit kapur putih
Jika tak cukup cecair di tambah air bersih
Dikocak- kocak untuk hilangkan kepekatan
Kasut dijemur atas pangkin dan ampaian

Tiada lagi anak kecil yang mengelat membasuh
Terus menyapu seputih kapur dalam botol
Membiarkan kasut keras, kejung dan lusuh
Cepat kering hentam sajalah di bubuh

Anak kecil semakin sibuk (entah sibuk apa?)
Disibukkan dengan ajaran- ajaran dunia lainnya
Hingga hilang satu rutin pendisiplinan
Atas nama kebejatan dalam kerukunan

12 Julai 2019

DAERAH LAMPU MERAH

Apa khabar Daerah Lampu Merah!
Masihkah wanitamu lega mencari nafkah
Demi sesuap roti keluarga di rumah
Atau kini sudah terlalu letih melayan serakah
Masih lagikah pelangganmu menuai bicara
Pada katalog-katalog cinta di kaca
Meratah puas di balik cermin-cermin noda.

Apa khabar Daerah Lampu Merah!
Masih adakah angsa-angsa berenang riang
Pada terusanmu yang mengalir tenang
Makhluk Tuhan yang bukan sekadar binatang
Masihkah barisan basikal tersusun rapi
Ketertiban menyusun alam penuh manusiawi
Sambil pencari rezeki menyilang kaki memilih CD

Jagalah kesihatanmu wahai penghuni Daerah Lampu Merah
Bertahanlah demi manusia dan kemanusiaan yang disumpah
Esok lusa akan ada Doktor memeriksa pipimu nan merah
Moga kamu semua diizinkan segera keluar dari tanah jahrah
Mudah-mudahan Tuhan berikanmu kekuatan dan hidayah



**Penerbit
UTHM**

ISBN 978-967-2389-78-1



9 789672 138978 1